

KE ARAH KEMAKMURAN PANTAI TIMUR SABAH : KAYA, PESAT MEMBANGUN DAN MAJU

1. POIC – Pemacu perindustrian

Tumpuan utama untuk pembangunan sektor perindustrian yang besar dan berterusan di Sabah terletak di POIC. Ini adalah disebabkan oleh kedudukan geografi POIC yang terletak di pusat kawasan penanaman kelapa sawit di Sabah. Industri Kelapa Sawit adalah satu-satunya industri yang berpotensi memberikan impak yang besar ke atas Sabah. Walaupun industri minyak dan gas adalah sangat besar di Sabah, peluang pekerjaan dan impak ekonominya adalah terhad berbanding kelapa sawit. Kajian baru-baru ini yang telah dilakukan oleh para penyelidik terkemuka telah meletakkan sektor kelapa sawit di Sabah sebagai satu sektor yang mempunyai potensi besar untuk pembangunan selaras dengan kawasan tanaman lain di Malaysia untuk tujuan penambahan nilai berskala besar keatas sektor biomas sawit.

Pemenang hadiah Nobel ekonomi Paul Krugman, yang memenangi hadiah berdasarkan kerjanya mengenai kepentingan hubungan geografi dengan pembangunan berkata, "Sungai dan pelabuhan semestinya amat penting. Dalam model-model geografi baru di mana sistem bandar berkembang, kesesuaian sebuah lokasi, kesediaan pelabuhan yang baik, biasanya bertindak sebagai "pemangkin" untuk kemunculan sebuah pusat baru. Tetapi apabila pusat baru telah diwujudkan, ia akan berkembang melalui proses pengukuhan tersendiri, dan dengan itu dapat mencapai skala di mana kelebihan awal lokasi menjadi tidak lagi penting berbanding dengan kelebihan aglomerasi yang berkekalan di pusat tersebut. Uniknyaa,, geografi semulajadi boleh menjadi penting kerana wujudnya sifat daya tarikan ekonomi spatial.

MS. 148, *The new economic geography: Past, present and the future*, Masahisa Fujita and Paul Krugman, *Papers in Regional Science*, 2004.


STRATEGI BIOMAS KEBANGSAAN

Strategi Biomasa Kebangsaan 2020

Strategi Biomasa kebangsaan pertama yang disediakan oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dengan bantuan firma perunding terkenal McKenzie, dilancarkan pada bulan November 2011. Strategi ini meletakkan asas dan hala tuju termasuk kos terperinci untuk mobilisasi biomasa untuk mewujudkan kekayaan dari sisa buangan sawit .

Daripada 25 juta tan biomasa yang boleh diagregatkan dan digunakan, "kira-kira 44 peratus daripada jumlah ini boleh didapati di Semenanjung Malaysia dan 56 peratus di Malaysia Timur, dimana sebahagian besarnya datang dari Sabah" halaman 25, NBS, 2020 - lihat Rajah 1.

Rajah 1: Potensi Pembangunan Biomasa di Pantai Timur Sabah



Strategi Biomasa - Kebangsaan 2020. Versi 2.0, 2013

Keterujaan dan peluang pelaburan industri biomasa sawit telah memacu AIM untuk menjalankan kajian Biomasa ke-2 seiring dengan momentum positif yang berkembang pesat secara global terutamanya di negara maju seperti Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan dan China. Dalam kajian kedua ini, para perunding menganalisa secara terperinci mobilisasi biomasa dan menilai penggunaan terbaik biomasa sawit, khususnya, segmen produk tertentu yang harus dipromosikan oleh Malaysia dan Sabah. Ianya adalah segmen produk bio-pelet, bio etanol dan bahan kimia berasaskan bio. Melalui analisis mendalam tentang keadaan biomasa, para perunding mengesahkan kajian awal McKenzie bahawa semua biomasa sawit yang terdapat di Malaysia, Sabah mempunyai kelebihan daya saing kos yang paling besar untuk memobilisasikan biomasa, terutamanya di Sandakan dan Lahad Datu. (lihat Ms13, NBS Version 2.0, 2013).

Sabah LEAP 2016-2035 (Pelan Tindakan Strategik Jangka Panjang Sabah)


Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan pelan pembangunan terkini. Dalam kajian ini 6 sektor ekonomi telah dikenalpasti sebagai pemacu pertumbuhan utama. Daripada jumlah ini, sektor kelapa sawit dengan kumulatif KDNK sebanyak RM81 bilion menduduki tempat kedua, selepas minyak dan gas dari segi kesan KDNK bagi tempoh 2016-2035. Sepanjang tempoh ini, objektif utama adalah: -

- Mengukuhkan pertumbuhan produktiviti, daya saing dan penerapan amalan mampan.
- Mempercepatkan pelaburan untuk meningkatkan sektor industri hiliran minyak sawit bernilai tinggi.
- Memaksimumkan pengeluaran biomasa yang boleh digunakan dari ladang kelapa sawit, termasuk melalui kaedah penanaman "inter cropping".
- Meletakkan Sabah sebagai pengeluar premium produk-produk kelapa sawit yang dihasilkan secara mampan.

Strategi Biomass Sabah

Pada tahun 2015, AIM dengan kerjasama Kerajaan Negeri melancarkan strategi biomass peringkat negeri. Kajian mendalam ini dengan penyelidikan yang diberikan oleh Poyry (Poyry Management Consulting Pte Ltd) menonjolkan potensi besar industri biomass di Sabah dan kawasan tertentu yang berpotensi (lihat Rajah 2)

Rajah 2: Kluster Biomass di Pantai Timur Sabah



Kajian ini mencadangkan 4 fasa pembangunan bagi tempoh 2016-2032.

Fasa 1: Bioenergi, penambahbaikan Kilang pelet dan usaha yang wajar untuk menarik Kilang kimia pertama.

Fasa 2: Gelombang pertama kilang kimia berasaskan bio dan mobilisasi OPF (2 kilang MEG/etanol Bersepadu dan xylitol/ethanol).

Fasa 3: Gelombang kedua kilang kimia berasaskan bio dan mobilisasi OPF berskala besar kilang MEG/ethanol bersepadu dan Kilang n-Butanol bersepadu pertama).

Fasa 4: Gelombang ketiga Kilang kimia berasaskan bio (MEF bersepadu, Kilang Xylitol bersepadu dan integrasi Kilang n-Butanol).

2. Potensi Besar Pelaburan Pantai Timur

Kami berpendapat bahawa sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan (pelancongan) di Pantai Timur secara keseluruhannya mempunyai lebih banyak potensi perniagaan dan pembangunan berbanding Pantai Barat Sabah. Perkara ini telah menjadi kenyataan seperti yang ditunjukkan dalam sejarah industri perkayuan dan koko. Kebanyakan kayu yang dikeluarkan adalah dari Pantai Timur. Semua koko yang ditanam kira-kira 240,000 ekar pada tahun 1985 adalah di Pantai Timur. Ini menjelaskan mengapa Pantai Timur mempunyai lebih banyak bandar-bandar utama (Lahad Datu, Sandakan dan Tawau) daripada Pantai Barat dan juga lebih banyak lapangan terbang serta pelabuhan daripada Pantai Barat.


Perkembangan telah ditentukan oleh lokasi ketersediaan sumber, dan ia akan semakin bertambah apabila rangkaian logistik dan pengangkutan dan urusan perniagaan antarabangsa semakin berkait.. Matlamatnya adalah untuk terus mencari cara untuk merealisasikan peluang pelaburan yang berpotensi dengan mengenal pasti sektor ekonomi utama dan seterusnya melengkapkan proses pengeluaran. Usaha POIC terkini dalam membangunkan pusat kutipan biomass adalah contoh tersebut.

PEMANDU

Kajian terbaru mengenai pembangunan Sabah telah dilaksanakan oleh PEMANDU yang memberi tumpuan kepada wilayah Selatan yang merangkumi Kunak, Tawau, Semporna. Kajian Pembangunan Wilayah Timur dilaksanakan

kemudian yang merangkumi Sandakan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti bagaimana pertumbuhan sektor utama tertentu dapat dipercepatkan dalam pembangunan. Tiga sektor tumpuan ialah kelapa sawit, pelancongan dan pertanian dengan kelapa sawit sebagai peneraju untuk industrialisasi Pantai Timur. Cadangan yang disyorkan adalah untuk memulakan dan mengembangkan sektor pembuatan oleokimia dan bio-kimia (lihat Rajah 3).

Rajah 3: Halatuju Biomass Sabah



3. Potensi besar untuk pembangunan tanah perindustrian dan pelabuhan

Dengan kemajuan logistik dikawasan pedalaman melalui Lebuhraya Pan Borneo yang sedang dalam pembinaan, kemudahan perindustrian di POIC akan memenuhi keperluan industri berkaitan perkilangan dan perkhidmatan di sepanjang Pantai Timur Sabah. Kemudahan dan infrastruktur yang dibangunkan di POIC hari ini hanyalah sebagai titik permulaan. POIC akan terus membangunkan infrastruktur asas dan khusus seperti yang diperlukan

oleh penggilang. Dalam hal ini, tapak POIC sekarang mempunyai potensi yang besar untuk dikembangkan (lihat Rajah 4).

Tanah perindustrian yang berpotensi dibangunkan disepanjang pesisir pantai (112KM) menyediakan ruang potensi untuk dibangunkan sebagai salah satu kompleks perindustrian dan pelabuhan yang terbesar didunia.


Rajah 4: Lahad Datu, Tanah Perindustrian Dan Pesisir Pantai Yang Besar Untuk Pembangunan Pelabuhan



4) Maju Ke hadapan

Selain industri kelapa sawit, POIC akan memobilisasi sumber-sumber untuk membangunkan kelompok-kelompok industri lain. Kluster tumpuan adalah minyak dan gas, PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana), sektor halal, logistik, akuakultur dan sektor-sektor berasas sumber lain (lihat Rajah 5).— Ini dilakukan dengan menggunakan sumber-sumber di Sabah, Filipina Selatan, Sulawesi, PNG dan Kalimantan.

Rajah 5: Model Perniagaan POIC Lahad Datu



5) Kesimpulan

Kesimpulan : Ke Arah Kemakmuran Pantai Timur

1. Minyak Sawit sahaja merupakan industri bernilai RM200 bilion. Ini dengan sendirinya telah cukup untuk menggerakkan Sabah menjadi sebagai sebuah negara perindustrian yang maju.

2. Secara geografi, POIC mempunyai kelebihan lokasi berhubung dengan akses kepada sumber-sumber (akuakultur, mineral, perikanan, sumber alam) di Filipina Selatan, Kalimantan, Sulawesi dan PNG; dikumpulkan di POIC untuk ditambah nilai sebelum dieksport. Ini sendiri akan membawa peluang pelaburan yang luas dan besar.
3. Kedudukan POIC yang terletak di sepanjang Selat Lombok- Makassar menawarkan peluang sepertimana Singapura dan Rotterdam berjaya memanfaatkan perkembangan dan pembangunan ekonomi awal mereka hingga kini.
4. Kedudukan POIC ditengah-tengah Asean dan Asia Tenggara menjadikannya hub pengedaran dan penyatuan logistik yang berkos efektif.
5. Pelabuhan kontena POIC yang mempunyai infrastruktur asas dan fizikal yang telah siap baru-baru ini berupaya untuk merealisasikan semua peluang ekonomi dan perniagaan tersebut.
6. Lahad Datu dijangka menjadi bandar pelabuhan perindustrian terbesar dalam jangka masa 20 tahun berdasarkan potensi ekonomi dan kesungguhan Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk mempercepatkan pembangunan,terutamanya di Pantai Timur Sabah dengan POIC sebagai peneraju utama. Dimana pada masa itu ia boleh menjadi kawasan perindustrian makmur, dinamik dan berkembang maju yang memiliki nukleus dan berpotensi dalam menerajui pembangunan perindustrian Sabah.